

24/10/1997

RM10j bagi pembinaan jambatan dua hala

KOTA BHARU, Khamis - Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan berjumlah kira-kira RM10 juta bagi pembinaan jambatan laluan dua hala menghubungkan pekan Cherang Ruku dengan Tok Bali di kawasan Semerak, Pasir Puteh.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semerak, Kamaruddin Mohd Nor, berkata kelulusan itu diterima daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 15 Oktober lalu.

Beliau berkata, projek yang menerima kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2000.

"Menyedari jambatan sepanjang kira-kira 150 meter ini adalah sebahagian daripada keperluan asas rakyat, kita akan melaksanakan pembinaannya secepat mungkin.

"Pelaksanaan projek yang dianggap besar di Semerak ini juga adalah bukti Barisan Nasional (BN) tidak memungkiri janji yang dibuat ketika kempen pilihan raya kecil yang lalu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata, kelulusan projek itu turut membayangkan keprihatinan Dr Mahathir terhadap keperluan asas rakyat Semerak dan memberi laluan kepada projek utama dilaksanakan walaupun pada ketika negara mengalami masalah ekonomi.

Katanya, keadaan itu membuktikan Kerajaan Pusat tidak mahu menjadikan krisis matawang yang melanda negara sebagai alasan untuk menafikan hak rakyat atau menyekat pelaksanaan semua projek semata-mata mahu mengelak pembaziran.

"Tiada pihak yang boleh menyifatkan pembinaan (jambatan) ini sebagai pembaziran kerana penduduk Semerak sudah menunggu terlalu lama bagi mendapatkan kemudahan itu.

"Jambatan itu akan memudahkan pelbagai urusan penduduk di Semerak, termasuk soal penghantaran hasil tangkapan di Tok Bali di samping dapat menjimatkan kira-kira 30 minit jika ingin ke bandar Kota Bharu," katanya.

Ketika ini, penduduk Semerak terpaksa menggunakan jambatan kayu satu haluan yang sudah uzur dan tidak boleh menampung kenderaana berat.

Kamaruddin berkata, permohonan mendapatkan jambatan baru itu dibuat pada pertengahan Ogos lalu.

Mengenai lokasi paling sesuai, beliau akan mencadangkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) agar mencari laluan alternatif daripada yang sedia ada bagi memastikan ia tidak membabitkan jumlah pampasan terlalu besar.

(END)